



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

PENYAKIT DICEGAH KESIHATAN DISYUKURI

Tarikh Dibaca :

**24 SYAWAL 1440H/
28 JUN 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



PENYAKIT DICEGAH, KESIHATAN DISYUKURI
KEMPEN KESEDARAN KEPENTINGAN IMUNISASI
28 Jun 2019M / 24 Syawal 1440H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَى بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا مُصْلِحُونَ

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua dibangkitkan dalam kalangan orang-orang yang bertaqwa di akhirat kelak.

Islam sebagai agama yang rahmah menuntut agar umatnya memelihara kesihatan dan menghindari penyakit. Justeru, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “**Penyakit Dicegah, Kesihatan Disyukuri**”.

Sidang Jemaah yang berbahagia,



Syariat Islam diturunkan untuk memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Dalam aspek memelihara nyawa, Islam amat menitikberatkan umatnya agar menjaga nikmat kesihatan tubuh badan yang dikurniakan oleh Allah SWT. Ia merupakan suatu amanah daripada Allah SWT kepada hamba-hambaNya. Tujuannya ialah agar kualiti ibadah kita kepada Allah SWT berada pada tahap yang terbaik.

Justeru, Islam menganjurkan umatnya agar menjauhi perkara yang membinasakan diri. Allah SWT tidak akan sekali-kali menimpa musibah melainkan disebabkan perbuatan manusia yang suka melakukan kerosakan. Firman Allah SWT menerusi surah Hud, ayat 117 yang bermaksud :

“Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri.”

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Pada hari ini, ramai yang mengeluh dengan pelbagai penyakit yang dihidapi dan tahap kesihatan semakin menurun sehingga mengganggu pelaksanaan ibadah serta aktiviti sehari-hari tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Kerana itulah, Islam menganjurkan agar umatnya menjalani kehidupan yang baik melalui pengamalan gaya hidup sihat, pengambilan makanan yang berkhasiat dan seimbang serta penjagaan kebersihan diri dan persekitaran.

Islam juga menganjurkan umatnya agar berikhtiar mendapatkan rawatan apabila ditimpa penyakit. Imam Muslim r.h telah meriwayatkan hadith daripada Jabir bin Abdillah RA, bahawa Nabi SAW telah bersabda:



لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ. فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Maksudnya: “Setiap penyakit itu ada penawarnya. Maka apabila sesuatu ubat itu sesuai dengan penyakit, sembuhlah ia dengan izin Allah ‘azza wa jalla.”

Menurut Imam al-Nawawi r.h, hadith ini mengandungi isyarat bahawa sunat bagi seseorang itu mencari ubat yang bersesuaian bagi merawat penyakitnya. Ini kerana penyakit tidak akan sembuh selagi ubat dan cara rawatannya tidak bersesuaian. Perkara ini secara tidak langsung merupakan suatu tuntutan kepada umat Islam untuk sentiasa membangunkan kajian dan penyelidikan dalam bidang perubatan.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mutakhir ini, seiring dengan kepesatan dunia teknologi dan perubahan gaya hidup manusia, kita sering mendengar berita penularan berbagai penyakit berjangkit. Ini sangat membimbangkan, apatah lagi sebahagiannya mendatangkan kemudarat yang dahsyat sehingga membawa kepada kematian sekiranya tidak dicegah dari awal.

Dalam hal ini, Islam sebagai agama rahmah telah memperkenalkan konsep pencegahan penyakit. Imam al-Bukhari r.h telah meriwayatkan hadith daripada Sa'ad bin Abi Waqqas RA, bahawa Nabi SAW telah bersabda:

مَنْ اصْطَبَحَ بِسَبْعِ تَمَّارِتِ عَجَوَةٍ، لَمْ يَضُرُّهُ ذَلِكَ الْيَوْمَ سُمٌّ وَلَا سِحْرٌ.

Bermaksud: “Sesiapa yang memakan tujuh biji tamar ‘Ajwah pada waktu pagi, nescaya dengan demikian, dia tidak akan dimudaratkan pada hari itu oleh racun dan sihir.”



Hadith tersebut mengandungi prinsip penting dalam pencegahan penyakit yang kita kenali pada hari ini sebagai imunisasi. Dalam menghadapi berbagai jenis penyakit khususnya penyakit berjangkit, perkembangan teknologi dalam perubatan moden menjadikan manusia mampu untuk menghindari penyakit-penyakit tersebut.

Hadirin Muslimin yang dimuliakan,

Penjagaan kesihatan dan kebersihan yang lebih baik akan mengurangkan penyebaran penyakit, namun masih belum mencukupi untuk mengelakkan sesuatu penyakit. Imunisasi merupakan satu proses memberi vaksin kepada bayi bertujuan untuk mencegah penyakit-penyakit berjangkit. Program Imunisasi Kebangsaan diperkenalkan pada awal tahun 1950-an dan diberikan secara percuma kepada kanak-kanak warganegara. Oleh itu, adalah penting untuk anak-anak kita diberikan imunisasi sebagai langkah pencegahan. Bayi dan kanak-kanak sangat mudah mendapat jangkitan kerana sistem imun atau ketahanan diri mereka masih belum berkembang sepenuhnya untuk melawan jangkitan. Sehingga kini, imunisasi kanak-kanak di bawah Program Imunisasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertujuan mencegah 12 jenis penyakit. Perkhidmatan ini diberi percuma di seluruh Klinik Kesihatan Kerajaan.

Di antara penyakit tersebut adalah(Batuk Kering, Hepatitis B, Difteria, Batuk Kokol, Influenza B, Campak, Beguk dan Rubella. Lantaran itu, adalah penting untuk mereka diberikan suntikan mengikut jadual suntikan vaksin yang telah ditetapkan bagi mendapatkan perlindungan dan pencegahan optimum.

Imunisasi boleh diberi secara suntikan melalui otot atau bawah kulit atau melalui mulut. Pemberian vaksin membantu menguatkan sistem imun



mereka dengan merangsang sel pertahanan, seterusnya melindungi mereka daripada kemungkinan berlakunya komplikasi yang mengancam nyawa. Maka, adalah sangat disyorkan agar kanak-kanak diberi imunisasi mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Pengambilan vaksin ini sangat penting untuk memastikan diri dilindungi dari jangkitan sesuatu penyakit yang boleh dicegah dengan vaksin. Apabila sebahagian besar dari kita telah dilindungi dari penyakit cegahan vaksin dengan liputan imunisasi yang tinggi, maka bakteria atau virus akan sukar mencari seseorang yang boleh dijangkiti. Ini dipanggil sebagai ‘imuniti kelompok’ yang akan melindungi sebahagian kecil mereka yang tidak sesuai menerima imunisasi seperti kanak-kanak yang menghidap barah. Pencegahan penyakit adalah tanggungjawab kita bersama. Bersama kita lindungi orang yang tersayang.

Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

Mencegah sememangnya lebih baik daripada merawat. Apabila penyakit dapat dicegah, kehidupan manusia akan menjadi lebih baik dan sempurna. Dalam pada itu, mimbar juga mengingatkan pada jemaah sekalian untuk menghindari juga penyakit-penyakit hati yang merosakkan iman seperti riyak, dengki, sompong dan sebagainya. Semoga kita dapat membentuk peribadi unggul sebagai mukmin yang sebenar.

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

Pertama: Kita sebagai umat Islam bertanggungjawab menjaga kesihatan sebagai tanda syukur terhadap amanah pemberian Allah SWT ini.



Kedua: Islam menganjurkan umatnya agar berikhtiar mencari ubat atau penawar ketika ditimpa penyakit.

Ketiga: Kita hendaklah mengambil imunisasi untuk mencegah penyakit daripada menimpa diri dan menular dalam kalangan masyarakat.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya', ayat 83 hingga 84:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
 وَأَيُوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَفِي مَسَّنِ الْضُّرِّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ﴿٨٣﴾
 فَاسْتَجَبْنَا لَهُ فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرٍّ وَءَاتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةٌ مِنْ عِنْدِنَا وَذِكْرَى
 لِلْعَدِيدِينَ ﴿٨٤﴾

Terjemahan: "Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika dia berdoa merayu kepada Tuhananya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani. Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami kurniakan kepadanya; keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai suatu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang taat kepada Kami (supaya bersabar dan mendapat balasan baik)."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ



لِي وَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَاصْحَাইِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْتَاهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِإِمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَسِّرِيْهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا

⑤٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي فَدوَكْ بِكِينِدا يَعْ دَفْرُتوانِ اَكْنُوْغْ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ اَحْمَدْ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي فَدوَكْ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَايُوسُورِي اَكْنُوْغْ، تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ اَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

يا الله، جاديكله كامي اورغ ۲ يع منديريكن صلاة سچارا برجماعه دان منونايكن زکاة ملالوعي ڦوست ڦوغون زکاة مجلس اکام اسلام ولايه ڦرسکوتوان سرتا رحمتيله گولوغن يع منونايكن زکاة. جاديكله اوسيها MAIWP دالم معاكيهكن زکاة دولايه ڦرسکوتوان سپاکاي ساتولشكه يع برکسن باکي ملڪسكن اصناف دري بلشکو کميسکين.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

٩٠

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْعُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.